

BERITA Rumah Kita



PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BIL: 3/2003

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

OKTOBER 2003



"Rumah Ku, Syurga Ku"

Kandungan

GAMBAR DAN KANDUNGAN. DARI MEJA PENGARAH.	2
PAMERAN MAPEX	3
PENYERAHAN T-CENTRE PPR DESA TUN RAZAK	4
PRIHATIN ADUAN WARGA KOTA	5
MENGHADAPI MASA HADAPAN	6
LAPORAN TAWARAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH	7
SIAPA LEBIH ISLAM.	8
PENGUNGSIAN BANGUNAN KERINCHI 1A.	10
SEMAI TOLERANSI ANTARA KAUM.	12
SRI SABAH 3A SEDIA BEKERJA SAMA	13
SELESA DAN SELAMAT.	14
IMEJ SRI PERAK MELONJAK.	15
KUKUHKAN PEPADUAN PENDUDUK.	16
PERTANDINGAN NASYID ZON 4.	17
SUKANEKA SRI KELANTAN.	18
BERI KHIDMAT TERBAIK.	19
MOTIVASI DIRI	20
RAZAK MANSION ANJUR PAMERAN ANTI DADAH.	21
HARI KELUARGA VISTA ANGKASA.	22
SI PERAK HIDUP HARMONI.	23
PENGUNGSIAN BANGUNAN DI SRI TERENGGANU.	24
NASYID PERUMAHAN AWAM DBKL. ALWADAH 3	25
MUNCUL JOHAN.	26
MAJLIS MAULIDUR RASUL SRI SABAH 3A	27
SUKANEKA PERPADUAN WARGA SRI KELANTAN.	28
FORUM RUMAH KITA	29
KEHIDUPAN DALAM HIDUP MANUSIA.	30
GAMBAR DAN PERISTIWA.	31
GAMBAR DAN PERISTIWA.	32
SAJAK: KAU PILIH RUMAH PANGSA.	33
GOTONG ROYONG BERSIHKAN PANTAI DALAM	34
HARI SUKANEKA SRI PERAK.	35
SAMBUT BULAN KEMERDEKAAN DI KONDO RAKYAT.	36
PESTA TANGLUNG RAZAK MANSION	37
HARI KELUARGA KERINCHI 1A	38
BAB 2 : PENGESAN ASAP PENYELAMAT ANDA.	39
ZANJURI Pengerusi Baru Dari Jelatek	40
KEAMANAN DAN KEHARMONIAN DI RUMAH PANGSA	41
PARA PELAJAR DAPAT BEG SEKOLAH	42
HARI KELUARGA PPR RAYA PERMAI	43
PASANG LEBIH BANYAK LAMPU	44
AJK BARU PERSATUAN PENDUDUK SRI JOHOR 4C	45
MOHON BANTUAN MELALUI PEJABAT ZON	46
PERTANDINGAN KARAOKE PERUMAHAN AWAM DBKL 2003	47
PENGUNGSIAN BANGUNAN PPR GOMBAK SETIA	48
PENGUNGSIAN BANGUNAN SRI KELANTAN	49
KARNIVAL TEATER PERUMAHAN	50
RAZIAN AMALKAN KONSEP SEKAMPUNG SEBUMBUNG	51
IZHAM PEMIMPIN SRI SABAH 3A	52
SEMINAR SEHARI DAN HARI KELUARGA SRI TERENGGANU	53
PENDIDIKAN AGAMA (PUASA)	54
PEMBANGUNAN ERA GLOBALISASI	55
PENGGUNAAN SISTEM SPIRAL WASTE BIN	56
DI PERUMAHAN AWAM DBKL	57
SEMINAR KE ARAH KEFAHAMAN KEPIMPINAN PERSATUAN	58
PERTANDINGAN KARAOKE SRI PERAK	59
GAMBAR	60
	61
	62
	63
	64





Dari meja pengarah YANG AMAN DAN HARMONI

Kamaruddin Omar
Pengarah, Jabatan Pengurusan Perumahan.

Bismillah Hirrahan Nirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.
dan salam sejahtera,

Sememangnya menjadi hasrat DBKL untuk mewujudkan masyarakat penghuni perumahan awam yang sihat, cergas dan berdisiplin. Bagi tujuan ini, DBKL telah merangka beberapa Program Pembangunan Sosial yang melibatkan semua lapisan masyarakat di perumahan awam DBKL.

DBKL melalui JPP telah mengatur banyak program dan aktiviti khas untuk penghuni-penghuni perumahan awam DBKL supaya penduduk tinggal dalam keadaan yang aman dan harmoni serta dapat bercampur-gaul dengan pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira kaum, agama dan budaya supaya mereka tidak merasa terasing atau dibezakan.

Dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya bertaraf dunia untuk semua, DBKL bukan sahaja memastikan perumahan awam yang akan dibina dipertingkatkan kualitinya dengan setiap rumah hendaklah tidak kurang dari 650 kaki persegi, mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air berasingan. Tetapi juga memastikan penghuni kawasan perumahan awam bersatu padu, bekerjasama, bertolakansur dan saling menghormati antara satu sama lain.

Kini DBKL bukan sahaja menguruskan sejumlah 45,696 unit perumahan awam. Malah usaha-usaha akan diteruskan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penghuni perumahan awam supaya menjaga keharmonian antara jiran tetangga dan saling menghormati antara satu sama lain. Menjadi hasrat DBKL supaya warga kota di semua peringkat bukan sahaja dapat mendiami rumah yang sempurna dan selesa, tetapi dapat mengelakkan perpecahan sesama sendiri akibat perbezaan fahaman politik dan ideologi.

DBKL mempunyai tugas yang amat berat bagi mewujudkan semula budaya masyarakat yang sentiasa boleh menyumbang untuk kebaikan semua penghuni rumah pangsa. Walau bagaimanapun saya juga berpendapat jawatankuasa persatuan penduduk sendiri perlu menggerakkan aktiviti-aktiviti bagi kepentingan bersama dengan kerjasama DBKL bagi mencapai cita-cita murni rumahku syurgaku.

Dalam beberapa hal, pembentukan keluarga rumah pangsa yang bahagia dan

sejahtera bukan sekadar dengan kata-kata nasihat. Tetapi, perlu ditunjukkan dengan teladan yang baik yang menjadi ikutan warga rumah pangsa. Jika sekadar menonton, membuat laporan dan menyerahkan bulat-bulat kepada agensi kerajaan lain seperti polis, pegawai DBKL atau JAWI, adalah agak sukar bagi kita sebagai penghuni rumah pangsa untuk menjadi generasi yang baik. Dalam keluarga yang tidak harmoni, anak-anak lebih cenderung bertindak antisosial dan mengamalkan nilai-nilai negatif seperti menipu, mencuri dan bercakap bohong pada permulaannya.

Pengurusan perumahan yang begitu besar, bukan sahaja memerlukan perhatian yang besar dalam memastikan unit rumah dan kemudahan yang disediakan berada dalam keadaan yang memuaskan; malah yang lebih utama adalah memastikan kira-kira 250,000 orang penghuni yang mendiami rumah-rumah tersebut.

Perpecahan atau perbezaan fahaman politik dan ideologi masyarakat tidak serius, sepatutnya boleh dielakkan jika semua anggota masyarakat dapat memainkan peranan, bertanggungjawab terhadap aspek kejinan serta mempunyai rasa mempunyai (self belonging) terhadap anasir subversif di persekitaran kawasan tempat tinggal kita.

Dalam konteks ini penghuni rumah pangsa bersama jawatankuasa persatuan penduduk/NGO's harus memainkan peranan sebagai penggerak masyarakat dan menganjurkan aktiviti yang sesuai dengan keperluan dan perkembangan ke arah mewujudkan warga kota yang harmoni, saling bantu membantu, bertanggungjawab, bermoral tinggi, beramal ibadat serta aman sejahtera sambil berusaha membentaras pelbagai gejala sosial yang tidak diinginkan.

Alaf baru menjanjikan kepada kita berbagai harapan baru untuk dinikmati bersama di samping cabaran baru yang perlu ditangani dengan sebaiknya. Harapan kita adalah untuk menjadikan rumah kita sebagai sebuah kediaman yang selamat, selesa, bersih dan kemas.

Bagi mencapai harapan yang murni ini kita telah berusaha keras bukan sahaja kita telah menambahkan keceriaan persekitaran melalui penanaman pokok rendang dan seni taman yang menarik. Kita telah memperlembapkan dan menambahkan kemudahan yang sedia ada supaya semua penduduk dapat menikmati kemudahan

dengan lebih selesa.

JPP tidak pernah berputus asa dan kecewa sekiranya masih ada segelintir pihak masih tidak menghargai kemudahan yang disediakan. Pertemuan demi pertemuan diatitkan untuk menjelaskan dasar jabatan dan DBKL mengenai tanggungjawab kita untuk menjaga sosial yang dijalankan sepanjang tahun. Sama-sama berusaha menyertai aktiviti sosial sama ada anjuran jabatan sendiri, atau anjuran bersama persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan serta parti siasah bagi tujuan membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Alhamdulillah kita telah dapat melihat hasilnya dengan cemerlang. Apa yang penting bagaimana kita harus mengekalkan keadaan ini dan terus mencari usaha bagi meningkatkan kegiatan dan aktiviti yang dijalankan.

Dalam masa kita bersungguh-sungguh untuk memastikan kehidupan kita dalam kediaman di rumah kita ini kita jangan lupa cabaran baru yang perlu dihadapi dan ditangani terhadap isu-isu sosial yang semakin meningkat dalam kehidupan bandar di kota besar ini.

Tanpa menyenaraikan masalah sosial yang kita sedia maklum ini, kita percaya usaha menanganinya bukanlah suatu usaha yang mudah. Ia memerlukan satu pendekatan bersepadu dan berterusan di samping komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat. Oleh itu faktor sosial, mental dan emosi warga perumahan kita perlu diambil kira dalam konteks pertumbuhan dan pembangunan persekitaran yang ada.

Oleh sebab itulah DBKL tidak jemu-jemu menganjurkan aktiviti sosial yang kita percaya sebagai salah satu langkah bagi mencegah perkara-perkara yang tidak diinginkan. Apa yang penting ialah penglibatan diri dan keluarga dalam setiap aktiviti yang dijalankan perlu lebih besar supaya kita lebih bersemangat untuk mengaturkan lebih banyak kegiatan yang serupa.

Saya menyeru supaya semua penghuni rumah kita turun sama dalam setiap program yang dijalankan kerana untuk menganjurkan sesuatu aktiviti memerlukan masa dan perbelanjaan yang agak besar.

Sama-samalah kita berazam untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih meyakinkan dengan membuang sikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing tetapi kita bersatu seumpama aur dengan tebing.

Akhir kata saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang akan mengambil bahagian dalam program social, kekeluargaan, agama dan sukan yang diadakan di kawasan perumahan DBKL.

Sekian